

Buang 290 tong bahan kimia tepi Sungai Klang

Shah Alam: Sebanyak 290 tong mengandungi bahan kimia dijumpai dibuang pihak tidak bertanggungjawab di tebing Sungai Klang di Kampung Kandan Dalam, Puchong, dekat sini, Selasa lalu.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, berkata siasatan mendapati bahan kimia itu adalah *Glycerin*, sejenis bahan yang banyak digunakan dalam industri makanan.

"Bahan kimia itu tidak berbahaya serta diklasifikasikan tidak

reaktif dan higroskopis. Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil sampel daripada semua tong yang mempunyai bahan kimia itu untuk siasatan lanjut.

"Terdapat 300 tong biru dijumpai di kawasan itu, tetapi hanya 290 masih mempunyai bahan kimia di dalamnya, manakala 10 tong lagi sudah kosong, mungkin isinya sudah di buang ke dalam sungai berkenaan.

"Kerja membersihkan kawasan itu juga sedang dijalankan kontraktor yang dilantik dan dijangka selesai hari ini atau selewat-le-

watnya esok," katanya di lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, semalam.

Loy Sian berkata, siasatan lanjut dijalankan bagi mengenal pasti syarikat yang sepatutnya bertanggungjawab dalam kes pembuangan tong bahan kimia berkenaan di kawasan itu.

"Kita syak perbuatan ini dibuat kontraktor yang dilantik untuk melupuskan bahan kimia. Mereka hendak mengambil jalan mudah dengan membuangnya di kawasan berhampiran dengan sungai," katanya. BERNAMA



Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) bersama Jabatan Pengairan dan Saliran memindahkan tong yang mengandungi kimia Glycerine, di Kampung Kandan Dalam, Puchong.
(Foto Ihsan UPBN)